



KENYATAAN MEDIA

Pejabat Ketua Setiausaha Negara
Araza 4, Blok Timur, Bangunan Perdana Putra
Kompleks A, Jabatan Perdana Menteri
62502 Putrajaya



PELANTIKAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

Tahniah atas pelantikan **YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid** sebagai **Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan** berkuatkuasa pada **10 Mac 2021**.

YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid, 53 tahun berkelulusan Sarjana Undang-Undang dari Universiti Keio, Jepun dan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dan Pentabiran (Kepujian) dari Universiti Malaya. Beliau telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam selama 25 tahun dengan jawatan pertama yang disandang sebagai Penolong Setiausaha di Bahagian Latihan, Jabatan Perkhidmatan Awam pada 23 Mac 1996.

Berpengalaman luas dalam pelbagai bidang termasuk kewangan dan pentadbiran, dasar dan pengurusan sumber manusia serta pernah berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan. Selain itu, beliau juga pernah menjawat jawatan sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Pelancongan), Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.

Saya berkeyakinan penuh dengan kelayakan, pengalaman serta kredibiliti beliau dalam menjayakan visi dan misi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

TAN SRI MOHD ZUKI BIN ALI

Ketua Setiausaha Negara

10 Mac 2021